



KEMALANGAN JALAN RAYA: KITA SUDAH PADAT DENGAN KENDERAAN

BERBANDING dengan beberapa negara lain yang berjiran dekat, bahkan yang berjiran jauh, Malaysia tergelong beruntung kerana seolah-olah ditakdirkan berada di luar atau jauh daripada garisan bencana alam. Kecuali bahana banjir akibat peralihan musim, atau sesekali kerana serangan ribut, Malaysia telah banyak kali terlepas daripada pelbagai macam mala petaka.

Ketika tsunami melanda Aceh (Indonesia), Phuket (Thailand) dan beberapa bahagian Sri Lanka serta wilayah-wilayah lain di pesisir Lautan Hindi tiga tahun yang lalu, tempasnya sangat kecil merambat Malaysia (walaupun puluhan nyawa anak Kedah dan anak Pulau Pinang memang harus melayang). Ketika tsunami kecil dan kemudian gempa bumi menghantam wilayah Yogyakarta di Jawa, Malaysia langsung terlepas. Ketika gunung berapi meletus di Filipina, Malaysia langsung tidak terjejas.

Ketika Malaysia seolah-olah dipagar oleh benteng keselamatan alami yang amat luar biasa itu, masih "bertamu" juga sekian banyak malapetaka yang mau tidak mau harus dibayar dengan maut, hampir setiap hari pula. Ya, kendati tak ada bom yang meletup, tak ada pula gempa bumi, yang sekali merambat akan meragut puluhan atau ratusan nyawa, Malaysia tetap mengalami bencana maut, maut yang meragut nyawa puluhan rakyatnya setiap bulan.

Rumusannya ialah: ketika ratusan ribu nyawa melayang di pelbagai negara jiran gara-gara amukan alam, Malaysia sekadar kehilangan puluhan nyawa sahaja.


Demikian Malaysia "terselamat" dari serba rupa kemelut, seperti kemelut perang yang mewabak ganas di Palestin, Iraq, Sri Lanka, Balkan, Afghanistan, Sudan, Somalia, Timor Leste, Thailand, Filipina, Amerika Latin, dan banyak lagi wilayah di muka bumi ini. Tiada bom yang dipasang di masjid atau di pasar seperti pernah berlaku di Pakistan. Tiada bom yang meranapkan blok *apartmen* seperti yang pernah terjadi di Mesir atau di Turki. Dengan kata lain, kecuali beberapa kemalangan pesawat terbang yang pernah meragut ratusan atau puluhan penumpang di

Johor dan di Sabah puluhan atau belasan tahun yang lalu, Malaysia tidak atau belum mencatatkan rekod kematian *massa*, kecuali akibat runtuhnya kondo Highland Tower di Kuala Lumpur beberapa tahun silam.

Mehu tidak mahu, kestabilan muka bumi dan dasar laut Malaysia adalah antara rahmat terbesar yang mewajarkan setiap rakyat bersujud syukur terhadap rahmat rahim Ilahi. Mudah-mudahan pula rahmat rahim itu akan terus melimpahi bumi dan penghuni Malaysia buat sepanjang zaman.

Akan tetapi, ketika Malaysia seolah-olah dipagar oleh benteng keselamatan *alami* yang amat luar biasa itu, masih "bertamu" juga sekian banyak mala petaka yang mau tidak mau harus dibayar dengan maut, hampir setiap hari pula. Ya, kendati tak ada bom yang meletup, tak ada pula gempa bumi, yang sekali merambat akan meragut puluhan atau ratusan nyawa, Malaysia tetap mengalami bencana maut, maut yang meragut nyawa puluhan rakyatnya setiap bulan.

Dan perangkaan itu direkodkan dengan cukup akurat, cukup *valid*.



Apa itu? Itulah wabak yang harus dijawab dengan kematian, bukan gara-gara serangan taun atau kepalua atau malaria atau gara-gara radiasi nuklear, sebaliknya adalah gara-gara berlakunya kemalangan demi kemalangan di jalan/lebu raya; yang oleh kita kadangkala terasa benar kemalangan-kemalangan itu sama sekali tak patut berlaku.

Kita tidak punya statistik yang jelas, akan tetapi bukan mustahil kalau kita anggarkan bahawa di wilayah Asia Tenggara ini, atau bahkan di wilayah Asia Besar ini (apabila dicongkak berdasarkan peratusan penduduknya), Malaysia boleh muncul sebagai negara paling banyak dihantui oleh kemalangan jalan raya, terutama kemalangan maut.

Kita tidak perlu berasa malu jika harus mengakui hakikat ini. Kita melihat dan mengalaminya sendiri. Rekod Jabatan Polis, rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat, rekod Hospital, rekod Mahkamah, rekod syarikat-syarikat insurans, akan memberikan angka-angka yang nyata kepada kita, betapa setiap hari, setiap minggu, setiap bulan dan setiap tahun, sejumlah nyawa rakyat Malaysia melayang percuma akibat terjadinya kemalangan di jalan raya segenap pelosok negara.

Jika sekitar (sebelum dan selepas) hari-hari perayaan tertentu (kerana adanya cuti yang panjang) berlakunya kemalangan-kemalangan demikian, kita tidak hairan sangat. Pada masa-masa demikian, terlalu banyak kenderaan yang bersumbat-sumbat (serentak) menuju ke satu arah tertentu, dan akibatnya (apabila pemandunya menjadi lalai atau apabila pemandunya hilang sabar) apa sahaja bentuk kemalangan boleh berlaku. Walaupun ada-ada sahaja ops-keselamatan jalanraya, baik yang dikendalikan oleh Polis mahupun oleh JPJ, walaupun ada kempen-kempen ke arah pemanduan berhemah dilancarkan, namun kerana kenderaan terlalu banyak, ditambah oleh kondisi jalan raya itu sendiri (sama

ada adanya terlalu "elok" hingga melenakan pemandu; atau terlalu "aneh" hingga mencengkam perasaman pemandu) kemalangan-kemalangan maut hampir tidak dapat dielakkan (walaupun sebenarnya masih boleh dielakkan).

Sebaliknya apa yang menggugah rasa damai kita ialah apabila pada hari-hari biasa, ketika tak ada sebarang ops-keselamatan jalan raya dilakukan, kecelakaan tetap juga berlaku, hampir saban hari. Ambil sahaja apa yang terjadi sepanjang Mei dan dua minggu pertama Jun 2007 yang lalu. Setiap hari akhbar-akhbar kita, rangkaian-rangkaian TV dan radio kita, melaporkan berita-berita ngeri yang memilukan berhubung Peristiwa kemalangan.

Bukan hanya di bandar raya-bandar raya yang sibuk, seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Ipoh, malahan nun jauh di utara dan di timur dan di selatan semenanjung, atau nun sayup pandangan di Sabah dan Sarawak, terlapor aneka kejadian yang sukar hendak takrifkan, apakah itu suatu kejadian yang semata-mata kerana takdir dan suratan, atau memang manusia yang sengaja menempahnya.

Lebih mendukakan hati kita, apabila terkesan oleh kita betapa para mangsa kemalangan itu sebenarnya tidak perlu atau tidak harus terlibat. Mereka sama sekali tidak berada pada posisi patut berlaku kemalangan. Bayangkan saja, sementara kenderaan yang mereka tumpangi berhenti untuk menunggu giliran membayar tol lebu raya, tiba-tiba sebuah lorong treler merempuh mereka dari belakang. Rempuhan yang sukar hendak takrifkan, apakah itu memang dipandu laju. Akibatnya lapan nyawa melayang serentak, kemudian satu nyawa lagi hilang beberapa hari kemudian. Dari seorang warga emas hingga seorang bayi berusia enam bulan, semuanya terkorban gara-gara seorang pemandu lori (entah dia memandu dalam jaga atau memandu dalam tidur) yang tidak tahu "membrek".

Dan ini bukan kejadian pertama berlaku dalam senario demikian. Sudah banyak sebelumnya, di tempat lain, kenderaan yang menunggu untuk membayar tol, dirempuh dari belakang, mengorbankan mangsa yang sama sekali tidak pernah menempahnya. Dan itupun bukan kali pertama lori atau lori *treler* merempuh sekumpulan kenderaan lain sehingga jalan raya limpah dengan banjir darah. Banyak kemalangan lain bermula dari bagai mana lori-lori dipandu, seolah-olah jalanraya atau lebuhraya itu bukan untuk pengguna kenderaan kecil atau kenderaan empuk, melainkan hanya untuk diraja

jai oleh kenderaan-kenderaan gergasi dan gagah perkasa seperti lori. Siapa yang boleh melupakan bagai mana sekumpulan penunggang motosikal yang berhenti di bawah satu "fly-over", kerana mahu berlindung daripada hujan, tiba-tiba saja dirembat dan diseret oleh sebuah lori yang memecut laju.

Takdir apa ini kalau bukan gara-gara pemandu yang gila-gila dan gara-gara lori yang gagah perkasa?

Sebenarnya, dalam konteks yang lebih adil dan lebih rasional, tidak wajar juga untuk semata-mata menyalahkan para pemandu lori atau para pemandu kenderaan berat lain. Dalam keadaan tertentu, sebenarnya banyak para pemandu lori yang cukup berhemah, yang cukup simpatik, dan cukup patuh kepada peraturan jalanraya. Malangnya, di ketika- ketika tertentu, kepadatan pula para pemandu kenderaan persendirian lain yang seperti sengaja menempah maut, memandu dan memecut bagaikan lipas kudung, menyelit dan meliuk-liuk di tengah kesesakan jalan raya, memotong sesuka hati dari kiri dan kanan, membelok tanpa memberi isya-

rat, keluar simpang tanpa memandang papan peringatan, memecut di luar had laju; atau bahkan yang mengubahsuai kenderaan masing-masing hingga terlepas dari spesifikasi keselamatan, sementara yang lainnya pula langsung tidak menjaga atau merawat kenderaan mereka, entah breknya sudah haus, entah tayarinya sudah gologeng, entah minyak enjinnya sudah kering, entah honnya sudah bisu, entah lampunya sudah malap dan macam-macam lagi.

Dan sekali lagi, seperti kita catatkan di atas, kondisi jalan raya kita juga satu hal lagi. Jikapun lebu raya dibina, terdapat lokasi-lokasi tertentu di mana permukaan lebu raya itu tidak membantu. Belokan-belokan yang tidak piawai. Ada pula stesen-stesen tol yang dibangunkan pada lokasi aneh, yang memang sangat mudah untuk memancing kemalangan.

Namun, apapun sebab yang cuba kita cari-cari atau cuba kita ada-adakan semata-mata untuk membuktikan dakwaan kita, tidak dapat tidak, punca utama dari apa jua kemalangan jalan raya terletak di tangan dan di kaki pemandu. Sikap pemandulah yang mengundang bahaya maut itu. Dan sikap yang paling menakutkan kita adalah keghairahan memandu selaju mungkin, pada litar yang tidak dibenarkan.

Pantaulah jalan raya atau di lebu raya mana sekalipun di seluruh pelusuk bumi tanah air kita ini, akan kita temui kenderaan-kenderaan (dari motosikal hingga ke lori *treler*, hingga ke bas-bas ekspres dan bas-bas pesiaran) yang dipandu sangat laju, sampai sekali ganda melepasi had laju yang dibenarkan. Bukan sahaja laju, tetapi cukup ganas dan cukup samseng pula; tanpa sama sekali berfikir tentang nyawa orang lain.

Itu satu. Tetapi ada banyak lagi cara pemanduan yang boleh mengundang kemalangan maut. Tak sedikit para pemandu yang menggunakan jalanraya atau lebu raya yang sibuk untuk "membangkit angin", sehingga kerana cara mereka memandu dengan terlebih relaks itu, ianya boleh mengganggu pemandu lain. Dan pemandu yang berasa terganggu mungkin hilang kawalannya. Dan terjadilah kemalangan.

Di tempat lain lagi, memandu dalam keadaan letih (kerana kuat bekerja) dan mengantuk (kerana tak cukup tidur), memandu dalam keadaan tertekan (kerana baru saja lepas dileteri isteri atau sedang dileteri isteri yang duduk di bangku sebelah), memandu tanpa konsentrasi, dan memandu dalam keadaan terlalu kenyang, turut juga mengundang kemalangan.

Harus dicatatkan juga, kemalangan bukan disebabkan atau sama sekali tidak disebabkan oleh usia kenderaan. Rekod-rekod bersabit kemalangan menunjukkan bahawa sembilan puluh peratus kenderaan yang terlibat adalah kenderaan yang tergolong baru; sementara sepuluh peratus yang lain adalah kenderaan usang. Sekali lagi, bukan kerana umur kereta, tetapi lebih banyak disebabkan oleh kondisi. Kereta lama atau kereta antik sekalipun, apabila dirawat dengan baik, tetap selamat. Justeru kerana itu, adalah satu akal kurang bijak, apabila dicadangkan supaya kenderaan berumur lima belas tahun ke atas dilupuskan saja.

Berfikirilah sedikit secara bijaksana. Kita kena ingat, kondisi bumi Malaysia, dan jurang ekonomi penduduk Malaysia, tidak memungkinkan setiap orang memakai kereta baru! Lainlah setiap rakyat Malaysia adalah orang kaya belaka!

Sebenarnya, antara faktor lain mengapa kerapnya berlaku kemalangan di jalan raya ialah kerana kita di Malaysia ini sudah dan sedang berada pada tahap yang sangat kronik, kronik kerana kenderaan bermotornya yang sudah sangat banyak. Malaysia sebenarnya sudah berada pada tahap tepu atau sudah hampir tepu dengan jumlah kenderaan.

Masalah ini yang harus difikirkan bersama, bukan sekadar berfikir bagai mana hendak memajukan industri otomobil kita sahaja, bukan sekadar berfikir bagaimana supaya kereta-kereta yang kita bina atau yang kita impot dapat dijual dengan laris sahaja.

Kita harus lebih banyak berfikir bagai mana supaya jalanraya kita tidak sesak, bagai mana supaya pemandu kita tidak gila-gila, bagai mana supaya kereta yang berada di jalan raya kita itu tahan-tempur, kebal, penuh dengan ciri-ciri keselamatan!

Malangnya, di ketika- ketika tertentu, kepadatan pula para pemandu kenderaan persendirian lain yang seperti sengaja menempah maut, memandu dan memecut bagaikan lipas kudung, menyelit dan meliuk-liuk di tengah kesesakan jalanraya, memotong sesuka hati dari kiri dan kanan, membelok tanpa memberi isyarat, keluar simpang tanpa memandang papan peringatan, memecut di luar had laju; atau bahkan yang mengubahsuai kenderaan masing-masing hingga terlepas dari spesifikasi keselamatan.



main basikal ditengah jalaraya begini mungkin mengundang padah - Fuzan MA



GAMBAR HASSAN



Dua beradik yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya

Lebih mendukakan hati kita, apabila terkesan oleh kita betapa para mangsa kemalangan itu sebenarnya tidak perlu atau tidak harus terlibat. Mereka sama sekali tidak berada pada posisi patut berlaku kemalangan.